

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT YANG BERTANDA DI BAWAH INI HENDAKLAH DITUNAIKAN

1. Borang I / J hendaklah diisikan.
2. Borang I / J tidak diisikan dengan sepenuhnya/sebenarnya _____
3. Alamat rumah yang dipindahmilik tidak lengkap. Sila berikan seperti yang tercatat di dalam bil Hasil Rumahnya.
4. Patil nombor rumah ialah TBP / TS / TETAP. Sila buat pembetulan.
5. Sila sediakan permohonan bagi SETIAP hartabenda dengan dokumen-dokumen yang **BERASINGAN**.
6. Nama pindahmilik yang tercatat di dalam Senarai Penilaian Majlis ialah: _____
_____. Oleh yang demikian, tuan/puan dikehendaki mengemukakan Surat-Surat Jualbeli atau Dokumen-Dokumen Pindahmilik yang berkaitan bagi membuktikan pindahmilik hartabenda ini dari nama-nama yang yang didaftarkan dalam Senarai Penilaian Majlis kepada penjual/anda.
7. Dokumen-dokumen yang disertakan berbeza dengan hartabenda untuk dipindahmilik.
8. Salinan Surat Jualbeli yang SAH ke atas rumah tersebut di antara penjual dan pembeli dikehendaki.
9. Salinan dokumen seperti Borang 14A yang berselem dikehendaki.
10. Sila bekalkan salah satu dari salinan dokumen hakmilik untuk membuktikan hakmilik penerima:
 - (a) Geran
 - (b) Suratan Hakmilik Sementara (Borang 11A/Borang 11B - Kanun Tanah Negara, Seksyen 177).
 - (c) Perakuan Pendahuluan Mengenai Hakmilik (ACT)
 - (d) Daftar Sementara (IR)
 - (e) Lesen Pendudukan Sementara
 - (f) Pajakan Negeri/Mukim
 - (g) Hakmilik Strata
11. Salinan Hakmilik Tanah
12. Salinan surat daripada Pihak Berkuasa Negeri memberi kebenaran untuk Penukaran Nama pemilik ke atas tanah dan rumah tersebut.
13. Salinan surat membahagikan harta yang dikeluarkan oleh Pejabat Kadi (SURAT FARAIIDZ) atau SURAT PENGESAHAN dari Pejabat Kadi yang mengesahkan bahawa pemohon BERHAK menerima pindahmilik.
14. Salinan surat pelepasan daripada BAITULMAL dikehendaki.
15. Oleh kerana pemunya harta telah meninggal dunia, sila sertakan satu salinan Pemberian Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka atau satu salinan Arahan Mahkamah (*Letters Of Administration/Power Of Athorney*).
16. Surat Sumpah yang disahkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.

17. Surat Keizinan daripada SEMUA waris/lain-lain ahli keluarga bahawa mereka tiada bantahan supaya harta simati ditukarkan kepada nama penerima pindahmilik. Salinan kad pengenalan mereka juga dikehendaki.
18. Surat Pengesahan daripada ADUN atau Ahli Majlis atau JKKK atau Tuan Penghulu atau Tuan Tanah (*salinan kad pengenalan tuan tanah atau salinan Hakmilik Tanah dikehendaki*), yang mengesahkan bahawa pemohon/penerima pindahmilik BERHAK menerima pindahmilik.
19. Borang permohonan kebenaran dan surat akuan tuan tanah hendaklah diisikan dengan sepenuhnya (Borang BP 7 disertakan).
20. Borang BP 7 kedua-dua muka hendaklah diisikan oleh _____ kerana pembelian rumah tersebut juga termasuk tanah.
21. Sila isikan borang permohonan untuk menjual/menukar hakmilik rumah TBP (Borang SP 42 disertakan).
22. Sila isikan Borang BP 25 yang disertakan.
23. Salinan surat kematian pemindahmilik dikehendaki.
24. Salinan Kad Pengenalan pemindahmilik dan penerima pindahmilik dikehendaki.
25. Salinan Kad Pengenalan tuan tanah/saksi kepada tuan tanah/saksi-saksi ke atas jualbeli dikehendaki.
26. Salinan Surat Beranak anak-anak pemindahmilik (simati) dikehendaki.
27. Salinan Surat Beranak penerima pindahmilik dikehendaki.
28. Salinan Surat Beranak anak-anak penerima pindahmilik dikehendaki.
29. Salinan Sijil Perkahwinan penerima pindahmilik dikehendaki.
30. Salinan Resit Rayuan Hasil RUMAH/TANAH bagi tahun untuk membuktikan semua hasil telah dijelaskan.
31. Salinan Resit Letrik yang lama dari Tenaga Nasional Berhad.
32. Salinan Resit Air dari Pihak Berkuasa Air.
33. Salinan Resit Hasil RUMAH/TANAH yang lama.
34. Salinan Resit bayaran sewa tanah yang dikeluarkan oleh tuan tanah.
35. Lain-lain salinan dokumen atau surat yang dapat menyokong permohonan anda.
36. Pelan tapak kasar yang menunjukkan kedudukan rumah yang dipindahmilik (Sila berikan beberapa patil nombor rumah yang berdekatan).
37. Sijil Jualan (Certificate Of Sales) daripada Pendaftar Mahkamah.
38. _____

